



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8891 5556  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (12)

Tarikh: 14 April 2019

## **SIARAN MEDIA**

### **LAPORAN SIASATAN JAWATANKUASA INSIDEN KEMATIAN 6 ANGGOTA BOMBA SEMASA OPERASI MENCARI DAN MENYELAMAT DI LOMBONG TAMAN PUTRA PERDANA, PUCHONG, SELANGOR PADA 3 OKTOBER 2018**

**PUTRAJAYA, 14 April 2019** – Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 April 2019 telah meluluskan laporan Jawatankuasa Siasatan berkenaan kes kematian 6 anggota bomba semasa operasi mencari dan menyelamat di lombong Taman Putra Perdana, Selangor pada 3 Oktober 2018.

Secara keseluruhannya, Jawatankuasa Siasatan bersependapat bahawa insiden ini adalah suatu kejadian yang tidak dijangka. Ia berlaku berpunca daripada pelbagai faktor yang wujud sebelum dan semasa kejadian yang merangkumi beberapa aspek, iaitu persekitaran, manusia, peralatan, polisi/prosedur dan faktor-faktor lain.

Antara dapatan Jawatankuasa terhadap punca insiden ini adalah :

- i. ketiadaan sistem penyiasatan insiden lemas dan langkah pencegahan yang bersepadu sebelum ini;
- ii. risiko dinamika *Low Head Dam* (LHD) kurang diketahui oleh orang awam dan anggota-anggota PPDA yang terlibat. Ini kerana, morfologi LHD yang kelihatan tenang dan tidak berbahaya sedangkan ia amat berisiko tinggi;
- iii. kurangnya kefahaman anggota JBPM yang terlibat terhadap risiko dinamika LHD telah mengakibatkan insiden malang tersebut berlaku; dan
- iv. berlakunya kekeliruan komunikasi dalam kalangan pasukan penyelamat, manakala pelan tindakan kecemasan tidak berfungsi seperti yang dirancang

Berdasarkan fakta siasatan dan penelitian, Jawatankuasa mendapati bahawa tiada unsur kecuaiian atau pelanggaran SOP yang disengajakan oleh anggota JBPM dalam insiden malang ini. Oleh itu, Kementerian serta agensi-agensi yang terlibat akan melaksanakan penambahbaikan sebagaimana cadangan jawatankuasa ini. Antara cadangan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

